

Pemimpin2 MIC guna nama Mahathir

'SAYA TIDAK AKAN HENTIKAN'

MMA - 8 OCT 1989

KUALA LUMPUR 7 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak akan meminta pemimpin - pemimpin MIC menghentikan dari menggunakan nama beliau dan UMNO dalam kempen perebutan jawatan presiden parti itu yang sedang berjalan' rancak sekarang.

"Bagaimana saya hendak suruh mereka menghentikannya sedangkan dalam UMNO pun begitu juga. Jadi mengapa saya hendak tahan dan kita tidak berhak untuk berbuat demikian," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini petang ini.

Presiden UMNO itu bagaimanapun menegaskan,, UMNO tidak terlibat dengan pemilihan jawatan Presiden MIC yang dipertandingkan pada 15 Oktober ini kerana itu adalah urusan parti berkenaan.

"Tetapi sekiranya MIC hendak mengaitkannya untuk menunjukkan kejayaan pihak ini atau pihak itu, kita tiada hak untuk menahan mereka," katanya.

Misalnya, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah bersetuju untuk memberikan bantuan kepada MIC bag-i penubuhan Kolej MIC di Seremban dan ia sebenarnya diberikan hanya secara kebetulan dengan pemilihan presiden parti itu.

"Tapi jika pemimpin - pemimpin MIC hendak kaitkan dengan kerajaan atau saya, apa yang saya boleh buat," jelasnya.

Perdana Menteri menyatakan demikian sebagai mengulas kempen hangat antara Presiden MIC, Datuk Sri Samy Vellu dengan Timbalannya, Datuk S. Subramaniam dalam pemilihan presiden parti itu pada 15 Oktober ini.

Kedua - dua pemimpin itu dilaporkan mengaitkan nama Datuk Sri Dr. Mahathir dan UMNO semasa mereka berkempen.

Datuk Sri Samy Vellu mendakwa lawannya Datuk S. Subramaniam pernah bekerjasama dengan Tengku Razaleigh Hamzah bagi menjatuhkan Perdana Menteri semasa pemilihan Presiden UMNO pada tahun 1987.

Bagaimanapun, Datuk Subramaniam menafikan dakwaan itu dan menyatakan bahawa beliau telah memaklumkan tuduhan tersebut kepada Datuk Sri Dr. Mahathir.

Datuk Subramaniam mendakwa, Datuk Sri Dr. Mahathir telah memahami kedudukan sambil berkata: "Semua pemimpin termasuk Perdana Menteri tahu, saya tidak ada kena-mengena dengan UMNO atau komplot untuk jatuhkan Perdana Menteri."